

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos Kerajaan melantik peguam swasta sejak tahun 2010 mengikut nama kes dan nama peguam masing-masing. Alasan Kerajaan tidak menggunakan khidmat Jabatan Peguam Negara dalam kes-kes tersebut.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2010, peguam bela Datuk Tan Hock Chuan telah dilantik bagi tujuan menjalankan inkues kematian mendiang Teoh Beng Hock.
2. Pada tahun 2010 juga, peguam-peguam Cecil Wilbert Mohanaraj Abraham, Rishwant Singh a/l Amarjeet Singh dan Sunil Abraham dari Tetuan Zul Rafique & Partners telah dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam kes-kes guaman yang berikut:
  - (a) Tuntutan guaman oleh Dato' Pahlawan Ramli bin Yusuff terhadap Tan Sri Abdul Gani Bin Patail, Tan Sri Musa Bin Hassan, Dato' Nordin Hassan, Kevin Anthony Morais, Chew Kam Soon, Sok One A/L Esen, Saiful Ezral Bin Ariffin, Azmi Bin Ismail, Wan Abdul Rahman, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan Kerajaan Malaysia; dan
  - (b) Tuntutan guaman oleh Rosli Bin Dahlan terhadap Tan Sri Abdul Gani Bin Patail, Tan Sri Musa Bin Hassan, Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed, Dato' Nordin Bin Hassan, Dato' Abdul Razak Bin Musa, Kevin Anthony Morais, Chew Kam Soon, Saiful Ezral Bin Ariffin, Polis Di Raja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Kerajaan Malaysia.

3. Seterusnya pada tahun 2013, peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee bin Abdullah diambil berkhidmat dalam kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi melepaskan dan membebaskan YB Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada pertuduhan melakukan kesalahan liwat.

4. Pada tahun 2011 dan 2012, tidak terdapat pengambilan peguam swasta oleh pihak kerajaan. Pada tahun ini juga, setakat ini tiada lagi kes-kes lain yang melibatkan pelantikan peguam swasta oleh kerajaan bagi mengendalikan kes-kes pendakwaan, guaman atau inkues.

5. Peguam-peguam swasta ini diambil untuk berkhidmat oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam mengendalikan kes-kes jenayah dan guaman. Pengalaman mereka dalam bidang pengkhususan masing-masing dilihat sebagai nilai tambah (*value add*) kepada penjalanan kes.

6. Bayaran untuk perkhidmatan peguam-peguam tersebut hanya boleh didedahkan jika mereka memberikan kebenaran kerana perkara ini adalah terlindung (*privileged*) dan tertakluk kepada kerahsiaan hubungan profesional antara peguam dengan anak guam (*solicitor and client relationship*).

Sekian, terima kasih.